

02 JUL 2000

Singapura-Pertahanan/I

HUBUNGAN PERTAHANAN SINGAPURA DENGAN MALAYSIA, INDONESIA STABIL

SINGAPURA, 2 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Tony Tan berkata hubungan pertahanan Singapura dengan jirannya Malaysia dan Indonesia kekal stabil walaupun hubungan politik dan ekonominya turun naik.

"Hubungan pertahanan adalah paling stabil. Mereka tidak, dan sepatutnya tidak, mengalami jenis turun naik yang sama yang kita saksikan dalam hubungan politik dan ekonomi," katanya kepada media tempatan dalam satu temuramah sempena Hari Angkatan Tentera Singapura (SAF) semalam.

Tan berkata Singapura dan Malaysia mengadakan latihan ketenteraan bersama di bawah Perjanjian Pertahanan Lima Kuasa (FPDA) dengan United Kingdom, Australia dan New Zealand dan ia telah menyumbang kepada kestabilan dan keselamatan serantau.

"Pegawai tentera dari Malaysia dan Singapura juga selalu mengadakan mesyuarat di antara satu sama lain. Para pegawai pertahanan kita saling berhubung. Dan kita terus berhubung dengan cara itu," katanya.

Beliau berkata SAF juga terus menjalin "hubungan amat baik" dengan Angkatan Tentera Indonesia serta sering mengadakan mesyuarat dan latihan bersama.

Sementara itu, menteri-menteri pertahanan negara FPDA akan mengadakan perjumpaan di sini pada Selasa untuk mengkaji semula keadaan keselamatan di rantau ini dan perkembangan latihan ketenteraan bersama mereka sejak tiga tahun lepas.

Hari ini, mereka berada di Kuala Lumpur untuk menghadiri jamuan malam yang dianjurkan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mereka juga akan mengunjungi Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Esok, menteri-menteri pertahanan itu akan merasmikan pembukaan latihan FPDA, "Flying Fish 2000" di Pangkalan Tentera Laut Tuas di sini.

-- BERNAMA

TCL RHM RON